



# **DUTA BAHASA**

# **2015**



## **Datuk Ramli Sarip**

Datuk Ramli Sarip, yang juga dikenali dengan gelaran “Papa Rok”, memulakan kerjaya muziknya sebagai penyanyi utama kumpulan muzik tempatan, Sweet Charity, yang ditubuhkan pada 1969 dan diiktiraf sebagai kumpulan muzik yang mencetuskan muzik rock di Singapura dan Malaysia pada tahun 70-an dan 80-an.

Pada tahun 1985, beliau meninggalkan Sweet Charity untuk meneruskan kerjaya muzik beliau sendiri. Lagu-lagu dihasilkan selepas beliau meninggalkan Sweet Charity beralih daripada lagu-lagu rock ke lagu kemasyarakatan dengan nada tradisional. ‘Bukan Kerana Nama’ adalah antara lagu beliau yang diminati ramai. Sepanjang kerjaya muzik beliau sendiri, beliau telah menghasilkan 12 buah album solo serta meraih 10 anugerah cakera emas dan 12 anugerah cakera platinum.

Sebagai Duta Bahasa, Datuk Ramli percaya bahawa muzik meningkatkan penghayatan bahasa melalui lirik dan lagu. Beliau juga menjadi contoh untuk membuktikan bahawa bahasa Melayu masih kekal relevan kerana beliau menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan hariannya serta dalam kerjayanya sebagai seorang penyanyi.

Walaupun kebolehan beliau untuk bernyanyi dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris bermanfaat dalam kerjaya nyanyinya, beliau berpendapat bahawa mempunyai kemahiran dalam bahasa ibunda sendiri amat penting.

Mempelajari dan menggunakan bahasa juga penting kepada Datuk Ramli. Beliau mencadangkan walapun kita tidak mungkin selalu menggunakan bahasa Melayu di sekolah atau di tempat kerja, kita masih berpeluang untuk menggunakan bahasa bersama keluarga kita di rumah, dengan jiran Melayu kita, atau apabila sedang melawati negara-negara lain seperti Malaysia, Indonesia, Brunei dan Selatan Thailand.



## **Nur Hafiza Osman (Fiza O)**

Nur Hafiza Osman, lebih dikenali sebagai Fiza O, ialah juruhebah dan personaliti radio terkenal di stesen radio Melayu RIA 89.7FM. Beliau juga penerbit rancangan televisyen Melayu. Ramai tidak mungkin tahu bahawa beliau sebenarnya lebih fasih berbahasa Inggeris daripada berbahasa ibundanya semasa zaman remajanya.

Walaupun Fiza pelajar Bahasa Melayu Lanjutan pada zaman sekolahnya, beliau sedar, lama kelamaan, beliau hilang kefasihannya untuk bertutur dalam bahasa Melayu dan beliau semakin kerap berbahasa Inggeris. Kemahiran penulisannya kekal tetapi beliau berasa susah untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Tambahan lagi, beliau berasa janggal semasa berbahasa Melayu. Pada masa itulah beliau membuat pilihan untuk memperbaik bahasa Melayunya dalam perbualan sebelum penguasaan bahasanya menjadi lebih teruk.

Sebagai seseorang yang baru menjadi ibu kepada seorang anak lelaki bernama Isa Awsam, kepentingan untuk melestarikan dan mewariskan bahasa Melayu kepada generasi seterusnya menjadi lebih ketara.

Bagi Fiza, penguasaan bahasa Melayu dan Inggeris praktikal kerana penguasaan kedua-dua bahasa ini telah memberi peluang kepadanya untuk melanjutkan kerjayanya, terutamanya apabila beliau sedang mengacara atau membuat penterjemahan. Beliau juga berpendapat bahawa kebolehannya untuk berdwibahasa menjadikannya seorang juruhebah yang lebih menarik kerana kemahiran berkomunikasinya lengkap lalu dapat berinteraksi dengan senang bersama pendengar-pendengar radio.

Secara peribadi, Fiza berasa selesa dengan mengetahui bahawa dengan kefasihan dalam bahasa Melayu, beliau boleh memberi gambaran yang tepat kepada saudaranya serta rakan-rakannya dalam bahasa Melayu dengan mudah dan beliau tidak akan cemas kerana tidak dapat memikirkan perkataan yang betul untuk digunakan.



### **Siti Aisyah Mohamed Salim**

Siti Aisyah Mohamed Salim, atau lebih dikenali dengan nama penanya Chempaka Aizim ialah pemenang anugerah penulis cerpen. Karya-karya beliau pernah diterbitkan dalam beberapa akhbar dan majalah.

Sejak kecil lagi, Chempaka selalu diajar untuk berfikir dan bercakap dalam bahasa Melayu di rumah dan di sekolah. Mempelajari bahasa dan mempunyai kefasihan bahasa sejak kecil lagi telah membantu, dan telah meningkatkan minatnya untuk mendapatkan ijazah sarjana muda Sastera Melayu. Pengajiannya di Universiti Kebangsaan Malaysia telah membolehkan beliau mempelajari 1 bahasa dengan lebih mendalam dan beliau berasa seronok kerana dapat menghubungkan asal usul sesuatu perkataan dengan budaya Melayu.

Walaupun mempunyai penguasaan bahasa Melayu yang baik, sama ada dalam tulisan atau secara lisan, Chempaka tidak leka. Sebagai penulis, beliau selalu terbuka untuk menjawab dan membincangkan soalan-soalan mengenai pemilihan perkataan dalam cerita-ceritanya. Sikap belajar sepanjang hayat ini juga ada pada dirinya sebagai seorang guru di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah. Beliau sentiasa merujuk kepada guru-guru bahasa Melayu lain apabila beliau tidak pasti tentang pelbagai aspek bahasa.

Di sekolah, minat Chempaka pada penulisan kreatif dijadikan contoh oleh murid-muridnya kerana Chempaka menggunakan pelbagai cara pengajaran untuk menunjukkan bahawa bahasa dan budaya itu menarik. Misalnya, beliau menggalakkan murid-murid sekolah rendahnya untuk menulis cerpen sementara murid-murid sekolah menengahnya untuk menulis puisi yang kemudian dihantar untuk menyertai peraduan anjuran syarikat penerbitan untuk memberitahu mereka bahawa mereka telah menghasilkan karya-karya yang baik. Chempaka juga memberi tugas menulis dengan topik terbuka di dalam kelas supaya murid-muridnya dapat menulis tentang topik yang diminati mereka dan tugas ini boleh diberikan kepadanya untuk disemak pada bila-bila masa.

Sebagai seorang yang berbangsa Melayu, Chempaka berpendapat bahawa penting untuknya memupuk minat dan rasa hormat terhadap bahasa dan budaya Melayu dalam kalangan orang sesama bangsa. Beliau juga berharap peranannya sebagai seorang penulis dan guru akan dapat memberi inspirasi kepada orang ramai untuk menikmati dan mencintai bahasa Melayu sepertinya.



## **Hairianto Diman**

Sebagai wartawan Berita Harian, Hairianto sering diingatkan bahawa mengetahui dan memahami sesuatu bahasa itu penting.

Apabila beliau memohon jawatan di Berita Harian, penerima ijazah sarjana muda Bahasa Inggeris teringat perasaan bimbang yang dirasainya kerana pengalaman kerja beliau selama ini tidak memerlukan beliau menggunakan bahasa Melayu secara meluas. Oleh sebab beliau harus menulis dan menggunakan bahasa Melayu setiap hari, beliau berpeluang untuk memperbaik penguasaan bahasanya. Memandangkan semua rakan kerjanya berbahasa Melayu, Hairianto sedar bahawa cara terbaik untuk mempelajari atau memperbaik penguasaan bahasa adalah berada dalam sekitaran yang menggunakan bahasa tersebut secara meluas.

Hairianto juga boleh berdwibahasa dan beliau percaya bahawa kemahiran ini penting. Dari sudut kerjaya, kemahiran untuk menggunakan bahasa dengan selesa telah membolehkannya berkomunikasi dengan efektif semasa sesi temu duga, terutamanya jika beliau sedang menemu duga seseorang yang berusia lebih tua dan yang lebih selesa berbahasa Melayu. Hal ini membantunya untuk memahami mereka dengan lebih baik dan suasana akan menjadi lebih selesa.

Bersama keluarga dan sahabat, Hairianto kadang kala bertutur dalam bahasa Melayu atau Inggeris, atau kedua-duanya pada masa yang sama. Walau bagaimanapun, beliau tahu bahawa terdapat beberapa ungkapan yang lebih tepat dikatakan dalam bahasa Melayu, terutamanya jika apa yang dikatakan itu berkaitan dengan budaya atau bahasa Melayu, kerana mungkin tidak ada perkataan dalam bahasa Inggeris yang dapat merangkumi segala yang ingin dikatakan. Hal ini juga mencerminkan kesedaran Hairianto tentang kebolehan berdwibahasa telah memberinya peluang untuk melalui pengalaman dan memahami budaya yang berkaitan dengan kedua-dua bahasa yang diketahuinya. Kesedaran ini juga telah membolehkannya untuk memperluas cara pemikirannya dan memberinya pengalaman pembelajaran yang lebih mendalam.

Oleh sebab beliau telah merasai manfaat yang diraih sebab kefasihannya berbahasa Melayu, Hairianto ingin menggalakkan orang ramai untuk menggunakan bahasa Melayu, bukan sahaja supaya budaya Melayu dapat difahami dan dipelihara tetapi juga sebab bahasa Melayu merupakan bahasa yang relevan, menarik dan praktikal.